



24 Januari 2014
24 January 2014
P.U. (A) 33

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL)
2014

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(PRICE MARKING OF PRICE-CONTROLLED GOODS)
ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2014**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 26 Januari 2014 hingga 9 Februari 2014.

Penandaan harga

2. (1) Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa barangan harga terkawal yang disiarkan dalam P.U. (A) 32/2014 hendaklah meletakkan label berwarna merah jambu yang menunjukkan harga bagi setiap unit atau setiap unit timbangan, nama yang memerihalkan barangan itu dan gred atau kualiti, jika ada, bagi barangan harga terkawal itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.